

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	30 DECEMBER 2016

## Tuduhan BR1M rasuah berasas kebencian

BH - 30/12/2016

**Kenyataan** Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebagai perubatan rasuah, adalah satu pandangan yang agak pelik. Ia adalah berasaskan politik kebencian dan dendam semata-mata. Pakar ekonomi dan mereka yang rasional pemikirannya, tahu BR1M adalah pendekatan kerajaan membantu rakyat, terutama golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

Ia termasuk dalam inisiatif kerajaan untuk menangani kos sara hidup rakyat di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Kos Sara Hidup Rakyat. Sejak mula diperkenalkan tiga tahun lalu, banyak pihak menyambut baik pemberian bantuan itu. Ramai penerima berterima kasih kepada kerajaan kerana bantuan itu dapat membantu mereka.

Justeru, tanggapan bahawa BR1M adalah rasuah kerajaan kepada rakyat tidak sepatutnya timbul. Beberapa hujah boleh diketengahkan untuk menolak tuduhan Dr Mahathir itu.

Pertama, BR1M adalah satu bentuk bantuan yang dimasukkan dalam pembentangan bajet yang dibahaskan di Parlimen. Oleh itu, tidak sepatutnya ia dianggap rasuah selepas pelaksanaannya dibuat secara terbuka untuk kepentingan rakyat. Tanggapan dibuat Dr Mahathir itu

adalah bersifat politik semata-mata. Ia bukan seperti yang difikirkan jawatankuasa fiskal yang mencadangkannya.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang kini bersama Dr Mahathir di dalam Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) ketika dalam kerajaan dahulu menyebut bahawa BR1M adalah pemberian ikhlas kerajaan kepada rakyat dan ia bukan rasuah daripada kerajaan.

### Pemberian subsidi bersasar

Kedua, ketika kerajaan melaksanakan langkah rasionalisasi subsidi termasuk menghapuskan beberapa subsidi arangan, kerajaan telah berjanji akan melaksanakan pemberian subsidi bersasar. Caranya ialah dengan menyalurkan bantuan secara langsung kepada golongan yang memerlukannya.

BR1M antara bentuk bantuan itu yang dianggap sebagai pemberian subsidi bersasar. Ia juga sebahagian usaha kerajaan mengagihkan semula Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kepada kumpulan B40. Pemberiannya dibuat secara telus kerana mereka tidak disaring dari segi ideologi politik, latar belakang agama dan kaum.

Ketiga, bantuan subsidi bersasar dilaksanakan oleh banyak negara dalam pelbagai cara dan na-

ma. Contoh, di United Kingdom, kerajaan negara itu memberi bantuan menerusi pemberian 'setem makanan' dengan menggunakan kad khas untuk tujuan pembelian makanan.

Pada 2013, kerajaan Indonesia memberi rakyatnya bantuan tunai di bawah Program Keluarga Harapan bagi membantu meringankan kos sara hidup. Indonesia berbuat demikian ekoran pelaksanaan program rasionalisasi subsidi petrol dan diesel.

Keempat, laporan *The Guardian* baru-baru ini, yang memetik 35 pakar ekonomi Britain yang mahu bank pusat negara itu melaksanakan pemberian bantuan tunai bagi mengatasi kelemahan ekonomi berbanding melaksanakan pemotongan kadar faedah juga membuktikan bahawa pemberian BR1M adalah langkah tepat dilaksanakan kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Razak.

Kelima, dari segi manfaat ekonomi, BR1M bukan sahaja dapat membantu kewangan golongan berpendapatan terendah (B40), tetapi ia juga dapat merangsang ekonomi. Bagaimana ia boleh merangsang ekonomi? Jawapannya ialah apabila golongan yang menerima bantuan tunai itu berbelanja, maka ia secara tidak langsung dapat meningkatkan penggunaan domestik dan ber-



[FOTO HIASAN]

Pemberian BR1M membantu kewangan golongan B40.



BR1M adalah inisiatif jaringan keselamatan sosial rakyat diperkenalkan kerajaan khususnya untuk golongan berpendapatan rendah. Ia sebagai tanda kerajaan tidak meminggirkan sesiapa pun"

lakunya aliran wang tunai dalam pasaran. Peniaga juga mendapat manfaat dari perbelanjaan rakyat itu.

Kesimpulannya, BR1M adalah inisiatif jaringan keselamatan sosial rakyat diperkenalkan kerajaan khususnya untuk golongan berpendapatan rendah. Ia sebagai tanda kerajaan tidak meminggirkan sesiapa pun. Golongan yang susah dan memerlukan tetap dibantu.

Justeru, kenyataan Dr Mahathir bahawa bantuan kerajaan itu adalah rasuah dan bertujuan untuk memancing undi bagi pilihan raya umum (PRU) sukar untuk diterima sama sekali.



**Mohd Ayop Abd Razid,**  
Penganalisis Media  
di Bahagian Penerbitan Dasar  
Negara Jabatan Penerangan  
Malaysia